KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8883 2533
Faks : 03-8889 5245

Ruj. Kami : KKM-BPP.UT/200-4/3/1 ( )
Tarikh : 17 Julai 2015

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah
Setiausaha-Setiausaha Bahagian
Pengarah-Pengarah Bahagian
Pengarah-Pengarah Kesihatan Negeri
Pengarah Hospital Kuala Lumpur
Pengarah Institut Kesihatan Umum

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BIL. 7/2015

PENURUNAN KUASA DAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEWARTAAN/TUKAR FUNGSI DAN PENGUBAHSUAIAN RUMAH KERAJAAN OLEH SEMUA JABATAN/AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menambahbaik pengurusan pewartaan/tukar fungsi dan pengubahsuaian rumah kerajaan oleh semua jabatan/agensi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) supaya lebih berkesan serta proses kelulusan permohonan dapat dipercepatkan.

LATAR BELAKANG

2. Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bil. 5 Tahun 2011, Panduan Pengurusan Rumah Kerajaan di KKM para 5.1.6 menetapkan supaya permohonan pewartaan/penukaran fungsi/pengubahsuaian rumah kerajaan perlu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pengurusan Dan Pemantauan Tanah yang dipengerusikan oleh Y.Bhg Ketua Setiausaha KKM dan diurusetiakan oleh Bahagian Pembangunan, KKM.

3. Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 1/12015 yang telah diadakan pada 9 Januari 2015 dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha telah membincangkan isu-isu yang ditemui hasil daripada pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2014 oleh Cawangan Audit Dalam serta isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 Tahun 2013.

4. Antara penemuan Audit Dalam adalah mendapati penukaran fungsi rumah kerajaan telah dilakukan tanpa kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Dan Pemantauan Tanah di peringkat Kementerian seperti ditetapkan dalam Surat Pekeliling KSU Bil. 5/2011. Antara faktor yang menyumbang kepada perkara tersebut adalah proses kelulusan yang mengambil masa panjang serta kurang kefahaman pegawai-pegawai di peringkat negeri/agensi.

5. Sebagai langkah penambahbaikan, Kementerian telah **bersetuju** supaya kuasa meluluskan permohonan pewartaan/tukar fungsi dan pengubahsuaian rumah kerajaan diturunkan kepada Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri/Agensi untuk diluluskan melalui sebuah Jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat negeri/agensi.

PENUBUHAN JAWATANKUASA

6. Keanggotaan Jawatankuasa bagi meluluskan permohonan pewartaan/penukaran fungsi dan pengubahsuaian rumah kerajaan adalah seperti berikut

a) Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)

Pengerusi : Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri

Ahli :(i) Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
(ii) Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
(iii) Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

Urusetia : Unit Pentadbiran, JKN Negeri

b) Hospital Kuala Lumpur (HKL)

Pengerusi : Pengarah HKL

Ahli : (i) Timbalan Pengarah (Pengurusan)
(ii) Timbalan Pengarah (Perubatan)

Urusetia : Unit Pentadbiran HKL

c) Institut Latihan/Kolej Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengerusi : Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Latihan (BPL))

Ahli : (i) Timbalan Setiausaha Bahagian (BPL)
(ii) Wakil Kolej Berkaitan

Urusetia : Bahagian Pengurusan Latihan

GARIS PANDUAN

7. Bersama-sama ini juga disertakan Garis Panduan Pengurusan Pewartaan/Tukar Fungsi Dan Pengubahsuaian Rumah Kerajaan Oleh Semua Jabatan/Agensi Di Bawah Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai rujukan dan panduan semasa menguruskan permohonan berhubung perkara tersebut. Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa pada **1 Ogos 2015**.

8. Sebarang pertanyaan/masalah yang berbangkit berkaitan dengan pelaksanaan Garis Panduan ini hendaklah dirujuk kepada:

Unit Tanah
Bahagian Pembangunan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 9, Blok E6, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
[u.p : Ketua Penolong Setiausaha Kanan]
No. Tel : 03-8883 2010

9. Dengan berkuatkuasa Arahan ini, para 5.1.6 di dalam Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 5 Tahun 2011 Panduan Pengurusan Rumah Kerajaan di Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 26 September 2011 adalah **dibatalkan**.

Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATUK DR CHEN CHAW MIN)